



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS NETWORKING HARI RAYA MITI DAN AGENSI BERSAMA SEKTOR SWASTA 2017

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta agensi di bawahnya telah meneruskan tradisi tahunan kementerian dengan menganjurkan Majlis Networking Hari Raya MITI dan agensi bersama Sektor Swasta 2017. Majlis ini diadakan pada 18 Julai 2017 (Selasa) bertempat di Dewan Perdana MITI, Kuala Lumpur dari jam 12.00 tengahari hingga 2.30 petang.

Seramai lebih 2,000 jemputan telah hadir meraikan majlis raya MITI kali ini. Antara jemputan adalah Kedutaan-Kedutaan asing di Malaysia, Majlis Perniagaan, Dewan Perniagaan, Persatuan Perniagaan, Syarikat-Syarikat sektor swasta serta Kumpulan Pengurusan dari sektor awam dan sektor swasta. Turut diraikan pada majlis ini ialah seramai 20 orang anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Al Nasuha, Kuala Lumpur.

Objektif program ini adalah untuk mengeratkan silaturahim sesama warga MITI, agensi di bawahnya serta memperkuatkan jalinan profesional di antara MITI, agensi di bawahnya, jabatan dan juga sektor swasta.

Antara tarikan yang disediakan dalam program ini termasuklah pelbagai juadah dan persembahan khas daripada kakitangan MITI dengan dendangan kombinasi lagu-lagu Hari Raya.

**-TAMAT-**

18 Julai 2017

#### **Tentang MITI:**

MITI adalah pamacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

#### **Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082  
Fax +603 6206 4293  
E-mail [allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my](mailto:allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my)